

14

Kajian Pengajaran bagi Meningkatkan Kemahiran Penulisan Karangan Melalui Penggunaan Frasa Berbunga

Nuraishah Mahmood

nuraishah_mahmood@moe.edu.sg

Sanisah Rahim

Sekolah Rendah Huamin

sanisah Rahim@moe.edu.sg

Abstrak

Suatu tinjauan awal telah dijalankan melalui pemantauan terhadap penulisan karangan dwimingguan murid-murid menunjukkan bahawa mereka masih kurang pengetahuan dalam penggunaan frasa berbunga dengan betul. Satu Kajian Pengajaran telah dijalankan bagi meningkatkan kemahiran murid menulis karangan yang lebih baik dengan mengaplikasikan frasa berbunga. Kajian ini berfokus pada penggunaan frasa berbunga yang tergolong dalam penyataan perasaan seperti gembira, sedih, marah dan takut. Seramai 24 orang murid darjah 4 telah terlibat dalam Kajian Pengajaran ini. Objektif kajian ini ialah untuk memperbaik aspek-aspek pengajaran dan pembelajaran agar murid dapat menghasilkan karangan yang lebih baik dengan menerapkan frasa berbunga dalam karangan. Hasil daripada Kajian Pengajaran ini berupa penemuan satu strategi yang lebih efektif dalam pengajaran dan pembelajaran. Teknik ‘Modelling’ telah dipilih untuk mengajar penggunaan frasa berbunga dalam pengajaran pencelahan ini. Setelah pengajaran pencelahan dijalankan, 44.8% murid telah memperoleh sekurang-kurangnya 70% markah atau lebih bagi peperiksaan akhir tahun berbanding dengan 33.9% murid bagi peperiksaan pertengahan tahun. Dapatkan Kajian Pengajaran ini menunjukkan bahawa strategi ‘Modelling’ yang diaplikasikan dalam pengajaran berkesan dalam membantu murid meningkatkan kebolehan menulis karangan yang bermutu.

Kata kunci

Kajian Pengajaran, Penulisan Karangan, Frasa Berbunga

PENGENALAN

Menurut Siti Hajar (2009), bagi meningkatkan kemahiran murid menulis karangan, latihan penulisan diberikan dari semasa ke semasa. Usaha sedemikian dianggap penting bagi memantapkan penguasaan murid dalam bahasa penulisan.

Setelah mengenal pasti tema kajian yang hendak dijalankan iaitu meningkatkan pembelajaran murid dalam kemahiran menulis karangan dengan penggunaan frasa berbunga, sekumpulan guru ini kemudiannya membina rancangan pengajaran bersama-sama. Dalam kajian pengajaran, kesesuaian bahan untuk menjalankan sesuatu pengajaran itu juga dibincangkan. Seorang pakar dari luar diundang bagi membantu untuk meningkatkan kandungan pengajaran dan sekaligus dapat membantu untuk meningkatkan kemahiran menulis murid.

PERNYATAAN MASALAH

Sejak di peringkat Darjah 3 lagi, murid diajar aspek bahasa penulisan yang merangkumi frasa berbunga di mana mereka diberikan senarai frasa berbunga yang boleh diaplikasikan dalam penulisan karangan. Suatu tinjauan awal telah dijalankan melalui pemantauan terhadap penulisan karangan dwimingguan para murid. Hasil pemantauan ini menunjukkan bahawa para murid masih kurang pengetahuan dalam penggunaan frasa berbunga dengan betul. Tidak kesesuaian dalam pemilihan frasa berbunga dapat dilihat dalam pembinaan ayat murid-murid. Murid menghadapi kesukaran mengaplikasikan frasa berbunga tersebut di dalam penulisan karangan mereka. Murid-murid masih kurang berpengetahuan dalam penggunaan frasa berbunga dengan betul. Penggunaan frasa berbunga sebenarnya bertujuan untuk mencantikkan bahasa dan mewujudkan nilai estetik dalam penulisan mereka.

Oleh demikian, satu kajian pengajaran dijalankan bagi meningkatkan kemahiran murid menulis karangan yang lebih baik dengan mengaplikasikan frasa berbunga. Kajian Pengajaran melibatkan sekumpulan guru merancang suatu tajuk kajian secara kolaboratif untuk melihat keberkesanan sesuatu kaedah pengajaran yang hendak dilaksanakan di dalam bilik darjah. Kajian pengajaran dapat memperbaiki proses pengajaran yang sedia ada bagi kemahiran menulis karangan.

Secara umum, murid menghadapi kesukaran menerapkan penggunaan frasa berbunga di dalam karangan mereka. Berdasarkan keputusan peperiksaan pertengahan tahun 2013, hanya 33.9% murid yang memperolehi sekurang-kurangnya 70% markah dalam ujian penulisan karangan. Aspek penggunaan frasa berbunga yang kurang diberikan tumpuan oleh murid-murid semasa menulis karangan menyebabkan mutu penulisan mereka kurang menarik.

Oleh itu, Sekumpulan guru Bahasa Melayu telah melakarkan pengajaran menulis karangan dengan menggunakan strategi ‘*Modelling*’ bagi meningkatkan kemahiran tersebut.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini berfokus kepada penggunaan frasa berbunga yang tergolong dalam pernyataan perasaan seperti ‘gembira’, ‘sedih’, ‘marah’ dan ‘takut.’ Kajian Pengajaran yang dijalankan ini bertujuan untuk:

1. meneliti keberkesanan strategi ‘*Modelling*’ dalam pengajaran dan pembelajaran menulis karangan; dan
2. menilai keberkesanan penggunaan frasa berbunga dalam penulisan karangan

KAJIAN LITERATUR

Kajian Pengajaran merupakan satu kaedah pengajaran yang bukan sahaja memberikan manfaat kepada guru untuk mempertingkatkan mutu pengajarannya bahkan juga merupakan satu kaedah yang dapat menganalisis keupayaan murid dalam pemahaman secara berperingkat tetapi menampakkan keberkesanan. Menerusi kitaran Kajian Pengajaran guru dapat memberikan fokus yang lebih kepada beberapa faktor utama berdasarkan profil, pencapaian dan maklum balas yang ditunjukkan sehingga membolehkan guru memantapkan kaedah kajian dalam pengajaran dan pembelajaran (Lewis, Catherine Lewis, Rebecca Perry, Jacqueline Hurd, & Mary Pat O’Connell , 2006).

Antara kaedah pengajaran yang berkesan ialah menggunakan strategi *Modelling* dalam pengajaran dan pembelajaran. Menurut Mayer (1989), melalui *Modelling*, murid belajar menyelesaikan masalah dan memperbaik pencapaian melalui apa yang mereka muridi.

“Conceptual models have visual representations of what concepts mean and how they work improve student recall of the concept and performance on problems that ask them to extrapolate from what they have learned...”

(Mayer, 1989)

Dengan menayangkan model karangan yang baik boleh membantu meningkatkan daya ingatan murid dan secara tidak langsung murid dapat memmuridi penggunaan frasa berbunga dalam penulisan karangan dengan sendirinya.

Kaedah *Modelling* juga sering ditekankan dalam pengajaran eksplisit. Dalam kaedah pengajaran eksplisit, *Modelling* merupakan komponen penting. *Modelling* dilaksanakan bagi memberikan pengetahuan dan tunjuk cara yang dapat membimbing murid untuk melakukan tugas selanjutnya secara kendiri.

Selain kaedah *Modelling*, pembelajaran secara koperatif juga mampu memberi ruang bagi murid belajar dalam suasana positif yang saling membantu pembelajaran. Pembelajaran koperatif memberi peluang kepada murid untuk bekerjasama dan bantu-membantu. Murid yang lebih baik membantu murid yang lemah dan hal ini membina suasana bekerjasama dalam kumpulan yang dinamik. Interaksi antara murid yang positif merangsang pembelajaran secara keseluruhannya.

Menurut Wells (1990), murid belajar membaca, menulis dan berfikir dengan terlibat dalam interaksi yang bermakna dengan golongan murid yang lebih berpengalaman. Kebiasaannya, golongan yang berpengalaman ini terdiri daripada rakan-rakan mereka sendiri.

KAEDAH KAJIAN

Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah Kajian Pengajaran. Masa yang diperuntukkan untuk kajian pengajaran ini ialah 60 minit.

PROSEDUR KAJIAN

Tahap kemampuan murid menulis dipertimbangkan sebelum menjalankan kajian pengajaran. Penguasaan murid dari segi kemahiran menulis dikenal pasti oleh

guru. Bahan pengajaran yang dirancang oleh guru disesuaikan kepada tahap pembelajaran murid. Perbincangan yang mendalam mengenai teknik pengajaran dijalankan sebelum dan sesudah kitaran kajian pengajaran dijalankan. Kaedah kajian pengajaran yang digunakan melibatkan pemantauan reaksi dan respons murid kepada teknik-teknik yang diajarkan dalam pengajaran penggunaan frasa berbunga. Setelah kajian pengajaran dijalankan, kumpulan kajian pengajaran serta pakar menduduki dalam satu sesi perbincangan untuk berbincang mengenai reaksi dan respons murid yang telah diperhatikan. Data yang diperoleh melalui pemantauan digunakan untuk menilai keberkesanan pengajaran yang dilaksanakan oleh guru.

Tinjauan awal telah dijalankan melalui pemantauan terhadap penulisan karangan dwimingguan para murid untuk mendapatkan data kuantitatif. Para murid dide dahkan kepada teknik pengajaran yang biasa pada jangka masa ini.

Metodologi kajian dibahagikan kepada beberapa peringkat:

1. Menyertai bengkel kajian pengajaran yang dijalani di sekolah.
2. Mengenalpasti masalah kajian pengajaran yang hendak dijalankan.
3. Memantau penulisan karangan dwimingguan para murid untuk mendapatkan data kuantitatif.
4. Mereka teknik-teknik pengajaran yang sesuai untuk digunakan dalam kajian pengajaran.
5. Mendapatkan data kualitatif melalui pemantauan semasa kajian pengajaran kitaran pertama dijalankan.
6. Menganalisis data melalui perbincangan pra dan pasca kajian pengajaran untuk memperbaiki teknik-teknik pengajaran.

SUBJEK KAJIAN

Seramai 24 orang murid Darjah 4 telah terlibat dalam Kajian Pengajaran ini. Murid Darjah 4 ini merupakan murid tahap sederhana dan cemerlang.

INSTRUMEN KAJIAN

Bagi melaksanakan Kajian Pengajaran ini, pelbagai jenis instrumen telah digunakan. Antaranya adalah:

1. Strategi pembelajaran koperatif untuk menjalankan aktiviti utama pengajaran telah digunakan. Setiap kumpulan diberikan sekeping gambar. Kemudian, murid harus bekerjasama untuk menulis sebuah cerita berdasarkan gambar

- yang diberikan dengan mengaplikasikan frasa berbunga yang sesuai di dalam kategori perasaan. Instrumen ini digunakan untuk memberikan para murid peluang untuk bekerjasama untuk menjana idea.
2. Contoh-contoh karangan murid yang tidak menggunakan frasa berbunga dan juga contoh karangan yang menerapkan frasa berbunga di dalam karangan. Tujuan guru menayangkan kedua-dua jenis karangan ialah untuk memperlihatkan perbezaan unsur estetika bahasa penulisan dan juga kualiti karangan kepada para murid.
 3. Contoh karangan yang baik juga digunakan untuk menyerlahkan kepada murid bagaimana frasa berbunga itu boleh dimasukkan dengan betul dalam penulisan mereka.

Kaedah kuiz juga telah digunakan dalam kajian ini. Murid menjawab soalan-soalan kuiz yang dipancarkan melalui slaid *PowerPoint*. Murid dikehendaki memilih frasa berbunga yang sesuai untuk menerangkan setiap gambar. Instrumen ini digunakan untuk membantu murid mengimbas kembali pengetahuan sedia ada murid tentang penggunaan frasa berbunga di dalam sesebuah situasi.

Kedua ialah penggunaan model frasa berbunga di dalam penulisan karangan. Setiap model disiapkan dengan satu senario di mana frasa berbunga tidak digunakan dan lagi satu senario di mana frasa berbunga digunakan. Murid mendengar penerangan guru mengenai kelebihan penulisan apabila menggunakan frasa berbunga dalam penulisan karangan. Murid juga mendengar penjelasan guru mengenai beberapa frasa berbunga yang terdapat di dalam kategori perasaan. Instrumen ini digunakan untuk melengkapkan murid dengan pengetahuan atau struktur untuk menggunakan frasa berbunga dengan betul di dalam penulisan

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Markah yang diperoleh murid dalam peperiksaan pertengahan dan akhir tahun 2012 dipantau. Data yang didapati digunakan untuk membandingkan prestasi murid sebelum dan sesudah kajian pengajaran yang dijalankan.

Sebelum kajian pengajaran dijalankan, hanya 33.9% murid yang memperoleh sekurang-kurangnya 70% markah dalam ujian penulisan karangan. Setelah kajian pengajaran dijalankan, 44.8% murid memperoleh sekurang-kurangnya 70%. Ini merupakan peningkatan sebanyak 10.9%.

Dapatkan dari Kajian Pengajaran yang dijalankan telah dimanfaatkan oleh guru dengan mengenal pasti aspek-aspek kekuatan dan kelemahan pengajaran

bagi memperbaiki pengajaran. Pandangan dari sudut murid diambil kira untuk memahami dengan lebih terperinci masalah yang mereka hadapi semasa pembelajaran.

Bagi aktiviti pertama, guru telah memberikan tiga model contoh untuk menerangkan kepada murid tentang penggunaan frasa berbunga dengan bersesuaian. Namun, selepas kajian pengajaran dijalankan, didapati bahawa model contoh harus diperbanyak lagi untuk memberikan murid gambaran yang lebih jelas supaya mereka dapat menggunakan frasa berbunga dengan lebih berkesan.

Dapatkan daripada kajian juga mendapati bahawa aktiviti seluruh kelas harus dijalankan dahulu sebelum kerja berkumpulan. Semasa kajian dijalankan, guru telah menayangkan tiga model contoh, murid-murid disuruh untuk membuat kerja kumpulan di mana mereka harus menulis cerita menggunakan frasa berbunga di dalam kategori perasaan berdasarkan gambar yang diberikan. Walaupun pada akhir aktiviti ramai di antara murid dapat menulis cerita dengan menggunakan frasa berbunga yang sesuai, masih terdapat juga murid yang mempunyai masalah pada bahagian awal aktiviti kerja kumpulan itu dijalankan. Murid pada mulanya tidak yakin untuk mengaplikasikan apa yang telah diajar guru. Setelah dirangsang oleh guru, murid dapat menulis dengan lebih baik. Daripada perbincangan yang dilakukan, dicadangkan agar guru menjalankan aktiviti seluruh kelas dahulu sebelum murid disuruh menulis secara berkumpulan. Aktiviti seluruh kelas dapat membantu murid untuk memahami dengan lebih lanjut tentang cara untuk mengaplikasikan frasa berbunga dalam penulisan sebelum mencubanya di dalam kumpulan masing-masing.

Dapatkan kajian juga menunjukkan bahawa aktiviti membuat renungan dengan menyenaraikan perkara-perkara yang telah dipelajari pada akhir pengajaran mengakibatkan murid d menyenaraikan frasa berbunga yang telah dipelajari kerana tidak dapat menerangkan secara terperinci tentang keberkesanan pengajaran terhadap diri mereka. Pakar telah mencadangkan agar disediakan satu kuiz mengenai perkara-perkara yang telah dipelajari. Langkah ini didapati akan memberi guru maklum balas tentang pemahaman murid dengan lebih mendalam.

KESIMPULAN

Para guru mendapati kaedah Kajian Pengajaran ini telah membantu dalam memperhalusi proses pengajaran penggunaan frasa berbunga dalam penulisan

karangan. Kajian Pengajaran ini telah memberikan setiap guru peluang untuk bekerjasama dan belajar antara satu sama lain. Hal ini berlaku apabila guru dapat mengenal pasti masalah kajian, perancang rancangan pengajaran dan perbincangan bersama sebelum dan sesudah sesi Kajian Pengajaran. Keperluan murid diberikan kepentingan. Lantas, respons dan reaksi yang telah didapati melalui pemantauan telah dianalisis digunakan untuk memperbaiki proses pengajaran untuk membantu murid lebih memahami cara penggunaan frasa berbunga.

Murid dapat menghasilkan karangan yang lebih baik dengan penggunaan frasa berbunga. Frasa berbunga telah meningkatkan mutu dan mencantikkan bahasa penulisan murid. Selain itu, frasa berbunga dapat membantu murid untuk menggambarkan sesebuah situasi dengan lebih jelas. Hal ini dapat dilihat oleh murid apabila mereka melakukan kerja kumpulan dan juga penulisan karangan yang diberikan guru sebagai tugas rumah selepas kajian pengajaran.

Teknik '*Modelling*' membuatkan konsep yang diajar lebih jelas. Model-model karangan membolehkan murid membuat penghubungan kognitif yang bermakna bagi memudahkan pemahaman mereka. Selain itu, model karangan dapat mengurangkan kekeliruan dalam penggunaan frasa berbunga dalam sesebuah penulisan. Teknik '*Modelling*' membolehkan guru membuat perancangan mengenai penggunaan bahasa berbunga yang mudah difahami oleh murid.

Hasilnya, murid-murid didapati menunjukkan prestasi yang lebih baik dalam karangan bagi peperiksaan akhir tahun apabila dibandingkan dengan keputusan peperiksaan pertengahan tahun 2012.

Justeru itu, para guru bercadang untuk menerapkan perkara-perkara yang telah dibincangkan pada sesi perbincangan bersama pakar selepas Kajian Pengajaran dalam pengajaran pada masa hadapan. Diharapkan dengan perkara-perkara yang dicadangkan ini, murid akan dapat memanfaatkan suatu pengajaran yang lebih berpandu dan berstruktur sekaligus membolehkan murid memahami cara yang lebih efektif untuk membantu mereka menggunakan frasa berbunga yang sesuai dengan lebih berkesan .

Nota:

Guru-guru yang berikut turut terlibat dalam kajian yang dijalankan.

1. Hamidah Hamid

RUJUKAN

- Catherine Lewis, Rebecca Perry, Jacqueline Hurd, & Mary Pat O'Connell (2006), Lesson Study Comes of Age in North America, *Phil Delta Kappan*, Vol.88, No. 04, pp.273-281
- Catherine Lewis; Rebecca Perry; Aki Murata. (2006) Educational Researcher; Apr 2006; 35, 3; ProQuest Education Journals pg. 3. How Should Research Contribute to Instructional Improvement? The Case of Less..
- Fang Yanping dan Kristine Kim-Eng Lee (2010), Lesson Study and Instructional Improvement in Singapore. Research Brief No. 10- 001, 1-4
- Foo Kum Fong dan Lee Hwa Phaik (2008), Building a Professional Learning Community in East Zone through Lesson Study, Schools Division East
- Jon Saphier, Mary Ann-Haley Specia, Robert Gower, 2008. The Skillful Teacher: Building Your Teaching Skills. Research for Better Teaching; 6th edition.
- Siti Hajar Abdul Aziz, 2009. Siri Pendidikan Guru: Bahasa Melayu II. Selangor Darul Ehsan: Laser Press Sdn Bhd.
- Suryani Atan, Nadira Mohamed Sedik, Taty Fairuwani Hamwal& Ili Sakinah Sarwan (2010), Kajian Pengajaran: Penilaian Alternatif untuk Guru dalam, Pembudayaan Penilaian Alternatif dan ICT dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu, Seminar Bahasa Melayu 2010, Unit Bahasa Melayu, Cawangan Bahasa Ibunda, Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Singapura, hal.141-14